

06 SEP 1997

SAHAM KL AKAN STABIL SEMULA MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Setelah melalui pergolakan turun naik yang mendadak di Bursa Saham Kuala Lumpur, harga saham dijangka akan kembali stabil di atas paras 800 mata minggu depan, kata wakil niaga saham.

"Secara teknikal, setelah mencecah paras dasar, carta menunjukkan satu corak berarah naik yang berkecuali dengan sekali-sekala turun sedikit," kata seorang pencarta.

Minggu ini, Indeks Komposit yang mengukur pasaran BSKL, melantun ke paras 840.42 atas semangat "Merdeka" yang tinggi melalui "kepulangan" dana tempatan daripada cuti Hari Kebangsaan, tetapi indeks berundur kepada 675.15 mata dua hari kemudian atas tekanan jualan yang berterusan oleh pelabur-pelabur asing yang telah dapat mendepositkan saham mereka dengan Sistem Depositori Pusat (CDS).

Dengan menyambut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dana tempatan membeli saham secara agresif pada Jumaat, menyokong naik Indeks yang mengukur 100 saham bermutu itu, untuk ditutup pada 821.59, atau naik 17.19 mata atau 2.1 peratus di atas penutupan minggu lepas.

Indeks Emas naik 11.70 mata kepada 231.18, Indeks Perusahaan naik 38.35 mata kepada 1,657.58 dan Indeks Papan Kedua menokok 27.27 mata kepada 401.01.

Seorang penganalisis berkata kemasukan semula dana tempatan dalam pasaran pada Jumaat boleh dikatakan memeranjatkan, mengakibatkan pemain-pemain asing yang telah menjual dengan begitu banyaknya "merasa bahangnya".

Sebilangan penganalisis berpendapat bahawa mulai sekarang, pasaran sepatunya kembali stabil walaupun masih terdapat kemungkinan pasaran akan melalui tekanan jualan selanjutnya.

Menurut mereka pengumuman yang dibuat oleh Dr Mahathir mengenai penarikan balik taraf sekuriti yang ditetapkan ke atas 100 komponen Indeks Komposit, beserta dengan penangguhan beberapa projek besar berikutan ketidakseimbangan luaran dan kedudukan ringgit, merupakan sebab yang positif ke arah kestabilan pasaran.

Selain itu, terdapat juga khabar angin di kalangan masyarakat pelaburan bahawa kerajaan sendiri akan memberi pendahuluan RM3 bilion bagi penubuhan dana RM60 bilion untuk menyokong bursa dan membantu pelabur tempatan yang terperangkan dengan panggilan margin.

Khabar angin itu, antara lain, didapati yang paling positif bagi pasaran, jika dibanding dengan khabar-khabar angin negatif sebelum ini yang disebarkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab untuk melemahkan pasaran.

Berasaskan perkiraan teknikal, seorang pencarta berkata Indeks Komposit akan bangkit semula ke paras antara 836 dan 880 dengan tahap halangan antara 890 dan 910, atau 38 peratus di bawah paras paling tinggi yang pernah dicatatkan, iaitu 1,332.

"Satu pecahan di antara paras 880 dan 908 akan melantunkan ia ke tahap halangan 1,018," katanya.

Di kalangan saham cergas, Renong naik 34 sen kepada RM3.34 dengan 73.125 juta saham diniagakan, Berjaya Group naik sembilan sen kepada RM1.78 dengan 5.144 juta saham, Commerce Asset turun 24 sen kepada RM3.40 dengan 63.089 juta saham dan Sime Darby turun 20 sen kepada RM6.70 dengan 45.907 juta saham.

Malaysian Resources naik 67 sen kepada RM3.02 dengan 44.754 juta saham,

Magnum naik 31 sen kepada RM3.02 dengan 44.100 juta, Taiping turun enam sen kepada RM1.29 dengan 40.443 juta, Public Bank-Foreign jatuh tiga sen kepada RM2.71 dengan 34.520 juta, Tenaga Nasional turun 20 sen kepada RM8.50 dengan 33.356 juta dan Maybank jatuh 60 sen kepada RM18.80 dengan 29.641 juta.

Jumlah dagangan mingguan di papan utama naik kepada 1,802.990 juta saham bernilai RM7,035.725 juta daripada 1,584.554 juta saham bernilai RRM6,200.541 juta seminggu terdahulu.

Dari segi sektor di papan utama (termasuk urus niaga langsung), barangan pengguna menyumbang 130.174 juta saham kepada urus dagang, barangan perusahaan 192.869 juta saham, pembinaan 184.438 juta, dagangan/perkhidmatan 573.175 juta, prasarana 19.030 juta, kewangan 371.377 juta, hotel 8.225 juta, harta 238.728 juta, perladangan 44.627 juta, perlombongan 7.625 juta, amanah 2.902, dana tertutup 1.128 juta, stok pinjaman 71.881 juta, waran/TSR 100.369 juta dan hak 1.503 juta.

Perolehan papan kedua turun kepada 167.200 juta saham bernilai RM1,326.064 juta daripada 197.236 juta saham bernilai RM1,575.075 juta.

Jumlah urus niaga secara langsung mencatat angka 165.428 juta saham bernilai RM625.819 juta berbanding dengan 199.441 juta saham bernilai RM1,315.337 juta sebelum itu. -- BERNAMA

JR SIA